

## Keindahan Pulau Aur sukar dilupakan

Oleh HANIZA HASSAN

[utusanjohor@utusan.com.my](mailto:utusanjohor@utusan.com.my)

MERSING 24 Sept. - Pulau Aur adalah 'mimpi indah' bagi penyelam skuba.

Apabila bercerita mengenai Pulau Aur, pasti hati terdetik teringatkan keindahan pantainya yang memutih, lautnya yang berwarna biru kehijauan apatah lagi lambaian pepohon nyiur yang seolah-olah mengajak hati sekali lagi menjengah ke sana.

Persekitaran yang nyaman, menyejukkan mata dengan tarikan khazanah laut yang pelbagai menjadikan gugusan pulau itu sesuatu yang unik dan pengalaman berada di sana ibarat boleh ditulis dalam diari untuk kenangan.

Itu mungkin gambaran kasar bagi mereka yang hanya menyukai 'daratan'. Namun bagi penyelam skuba dan penggemar aktiviti snorkeling, lautan dan dasarnya menjanjikan pengalaman yang sukar untuk dilupakan.

Bagi yang bosan dengan kehidupan bandar yang sesak dengan bangunan dan kenderaan lalu-lalang, Pulau Aur adalah lokasi ideal kerana tiada kenderaan, tiada talian telefon apatah lagi Internet, tiada bunyi bising selain bunyi ombak menghempas pantai dan tiada bangunan pencakar langit.

Pulau Aur yang terkenal di kalangan peminat aktiviti menyelam itu terletak kira-kira 70 kilometer dari timur Mersing dan merupakan satu daripada 13 pulau yang diwartakan sebagai Taman Laut Johor.

Pulau yang merupakan salah satu dari gugusan pulau yang indah di Laut China Selatan itu menyimpan khazanah laut yang unik dan pelbagai termasuk ikannya yang berwarna-warni serta terumbu karangnya yang menarik dan cantik.

Pulau yang berhampiran dengan beberapa pulau lain iaitu Pulau Dayang, Pulau Pinang dan Pulau Lang itu memakan masa empat hingga lima jam perjalanan dari jeti Mersing menggunakan bot katamaran (kecil).

Antara spesies ikan yang ada di dasar pulau berkenaan adalah ikan alu-alu (barakuda), *Manta Rays*, *Whalesharks* dan *Bumphead*. Malah Pulau Aur dan pulau-pulau sekitarnya mempunyai 18 tempat menyelam yang terkenal cantik.

Antara lokasi selaman tersebut adalah Rayner Rocks, Pulau Lang, Pinnacle dan Teluk Meriam.



KEJERNIHAN air laut menarik minat penyelam untuk menyelam di perairan sekitar Pulau Aur. -utusan/Baazlan Ibrahim

Pengarah Tourism Malaysia Johor, Noridah Kamaruddin berkata, destinasi berkenaan menerima kunjungan kira-kira 200 pelancong termasuk penyelam setiap hujung minggu.

Katanya, kebanyakan mereka yang berkunjung ke sini akan menginap di beberapa resort sekitar Pulau Aur dan Pulau Dayang.

"Di dua pulau berkenaan, terdapat empat resort yang mana sebuah di Pulau Dayang dan tiga lagi di Pulau Aur. Kedua-dua pulau ini menjanjikan penginapan yang selesa dan sesuai untuk penyelam," katanya.

Tambah Noridah, hampir 70 peratus adalah pelancong luar yang kebanyakannya dari Singapura selain negara Eropah manakala bakinya adalah rakyat tempatan.

Katanya, seperti pulau peranginan yang lain, Pulau Aur akan ditutup kepada kunjungan pelancong pada bulan November dan dibuka semula pada Mac ekoran musim monsun.

Menurut Noridah lagi, sebenarnya masih ramai yang tidak mengetahui tentang keindahan pulau-pulau di daerah Mersing terutama Pulau Aur yang merupakan gugusan pulau paling jauh.

Jelasnya, kebanyakan pelancong hanya mengetahui tentang nama pulau-pulau itu sahaja dan tidak mengetahui keindahan pulau itu secara mendalam.

"Saya akui pulau-pulau di sini hanya terkenal di kalangan para penyelam sahaja dan bukannya pelancong.

"Sehubungan itu, kita menyeru kepada penggiat industri pelancongan supaya memperbanyakkan pakej pelancongan melibatkan Pulau Aur supaya ia menjadi salah satu tempat kunjungan pelancong," katanya.

Malah, katanya, sehingga kini, penggiat industri pelancongan di negeri ini hanya mengadakan pakej tersebut berdasarkan permintaan sahaja kerana faktor jarak perjalanan dan kemudahan pengangkutan.

Biarpun begitu, jelas Noridah, kekangan tersebut akan lenyap tatkala kaki menjejak pantai Pulau Aur yang memutih manakala mata disapa kejernihan air laut yang nyaman